

## **Pendidikan TVET Inklusif Untuk Pelajar OKU (Masalah Pembelajaran): Kajian Kes Keperluan Program Sijil Khas Ikan Hiasan di Kolej Komuniti Tampin**

**Norashikin Anjur\*, Nurul Johanna Jemain dan Wan Aishah Yusoff**

Kolej Komuniti Tampin

\*Pengarang pengantara: norashikinanjur@gmail.com

### **Abstrak**

Kajian ini tentang pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang disesuaikan untuk individu kurang upaya pembelajaran (OKU) di Malaysia. Ia mengetengahkan keperluan penting amalan inklusif yang sesuai dalam menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKU. Cabaran ini termasuk kelewatan pendedahan, perkhidmatan sokongan yang tidak mencukupi dan stigma masyarakat yang menghalang prospek pendidikan TVET mereka. Kajian ini menyokong usaha kolaboratif diantara institusi TVET, profesional pendidikan khas dan majikan untuk memudahkan serta melancarkan transisi ke dalam tenaga kerja dan memupuk persekitaran inklusif yang kondusif untuk kejayaan pelajar OKU. Kajian kes telah dijalankan terhadap analisis keperluan program Sijil Khas Ikan Hiasan di Kolej Komuniti Tampin pada tahun 2023. Program ini khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan pelajar OKU dalam kategori masalah pembelajaran, sejajar dengan perkembangan pesat industri ikan hiasan global. Kajian ini bertujuan untuk menilai penjajaran program dengan keperluan industri serta peluang kerjaya untuk graduan dan menggunakan soal selidik secara talian yang diedarkan kepada pelbagai pihak berkepentingan termasuk komuniti, agensi, institusi pendidikan dan pemain industri. Dapatan kajian menunjukkan 95.5% responden menyatakan graduan bagi program ini mudah diterima di alam pekerjaan atau menyambung pengajian dan 97.7% responden menyatakan program ini dapat melahirkan graduan yang diingini oleh industri. Kajian menunjukkan program ini boleh dilaksanakan di Kolej Komuniti Tampin kerana responden bersetuju program ini dapat meningkatkan peluang kerjaya bagi pelajar OKU (masalah pembelajaran).

**Kata kunci:** Ikan Hiasan; Kajian Pasaran; Pelajar OKU; Pendidikan Inklusif; TVET.

## **1.0 Pengenalan**

Kolej Komuniti Tampin merupakan institusi TVET yang mula menawarkan program Sijil Asas Ikan Hiasan pada tahun 2017 untuk pelajar OKU masalah pembelajaran berdasarkan arahan pelaksanaan program (rujukan surat arahan bernombor rujukan KPT/JPKK/BPA/650-2/1 Jld 5 (7) bertarikh 2 Februari 2017). Bagi memastikan program yang sedang ditawarkan kekal relevan dengan kehendak guna tenaga negara, kajian dan analisis pasaran program pengajian bagi Sijil Khas Ikan Hiasan telah dilaksanakan berdasarkan dapatan pihak berkepentingan dan penambahbaikan kurikulum bagi program Sijil Asas Ikan Hiasan yang ditawarkan di Kolej Komuniti Tampin. Program ini ditawarkan sejajar dengan perkembangan industri ikan hiasan yang semakin maju di peringkat global. Program ini mendedahkan pelajar kepada keseluruhan aspek berkaitan pembiakan, tumbesaran, penuaian hasil, pembungkusan dan pemasaran produk ikan hiasan. Di samping itu, pelajar juga didedahkan dengan pembangunan sahsiah diri, nilai keusahawanan, kemahiran teknologi dan kemahiran komunikasi. Program ini juga akan melahirkan pelajar dengan kemahiran insaniah bagi membentuk modal insan yang berdaya saing dalam industri ini.

Di samping itu program ini ditawarkan sejajar dengan Dasar OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tahun 2023. Dasar OKU menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar ini turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023). Penawaran program pengajian ini akan memberi peluang kepada pelajar OKU bagi menceburi bidang pengajian TVET yang terarah kepada keperluan industri ikan hiasan. Berbekalkan pengetahuan, kemahiran dan pendedahan kepada industri dalam program pengajian ini, ia membolehkan pelajar dapat berdikari dan mengaplikasikan segala ilmu yang diperolehi bagi meningkatkan taraf ekonomi pelajar. Struktur program ini direkabentuk bertujuan untuk menghasilkan graduan TVET yang holistik dan berdaya saing serta mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran kompeten dalam memenuhi permintaan tenaga kerja dalam sektor industri ikan hiasan sekaligus memenuhi lonjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Antara prospek tenaga kerja bagi graduan sijil ini adalah sebagai usahawan pembekal dan pembantu kedai ikan hiasan. Oleh itu, objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk mendapatkan maklum balas berkenaan kesesuaian program pengajian dengan keperluan organisasi serta peluang kerjaya bagi graduan yang akan dihasilkan.

## **2.0 Sorotan Kajian**

Di Malaysia, istilah OKU (Orang Kurang Upaya) merujuk kepada individu dengan pelbagai jenis kekurangan upaya, termasuk fizikal, deria, intelek, dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Ketidakupayaan ataupun masalah pembelajaran merupakan gangguan perkembangan saraf yang menjejaskan keupayaan otak untuk memproses maklumat,

menyebabkan kesukaran dalam membaca, menulis, memahami, dan kemahiran matematik. Ia memerlukan campur tangan khusus dan sokongan untuk memastikan akses pendidikan yang adil (American Psychiatric Association, 2013). Pelajar OKU (masalah pembelajaran) sering menghadapi cabaran akademik, sosial, dan emosi, serta stigma dan diskriminasi, yang boleh menjejaskan pencapaian mereka. Oleh itu, adalah penting untuk menyediakan intervensi awal, perkhidmatan sokongan individu, persekitaran pendidikan inklusif, dan pembaharuan dasar yang mengutamakan hak dan kesejahteraan mereka bagi meningkatkan penyertaan dan kebolehpasaran pelajar OKU. Untuk menangani keperluan pelajar OKU (masalah pembelajaran), adalah penting bagi institusi pendidikan untuk melaksanakan amalan inklusif dan menyediakan kemudahan dan sumber yang sesuai. Kemudahan ini mungkin termasuk pelan pendidikan individu (IEP), teknologi bantuan, arahan khusus, dan sokongan tambahan daripada profesional terlatih seperti guru pendidikan khas atau ahli terapi (Mohamed et al., 2018). Dengan mengiktiraf pelbagai keperluan pelajar OKU (masalah pembelajaran) dan menggunakan pendekatan inklusif, pihak berkepentingan pendidikan boleh mewujudkan persekitaran yang memupuk kejayaan akademik, berdikari dan keterangkuman sosial pelajar.

Industri ikan hiasan merupakan industri penting negara. Ikan hiasan sangat penting dalam sektor ekonomi kerana daya tarikan artistik dan nilai komersialnya yang luar biasa dalam perdagangan eksport, dan sekaligus menjadi sumber pendapatan dan pekerjaan. Pengeluaran ikan hiasan telah direkodkan sebanyak 325 juta ekor ikan dengan nilai RM 350 juta pada tahun 2017. Hasil import ikan hiasan adalah bernilai sebanyak RM 4,342,143,046.00. Manakala hasil eksport pula bernilai RM 3,157,650,332. Terdapat 229 pengeksport ikan hiasan telah berdaftar di Malaysia (Anjur et al., 2021). Kemajuan industri ikan hiasan telah memacu pendidikan TVET dalam melahirkan graduan memenuhi kehendak industri. Pendidikan TVET boleh memperkasakan pelajar OKU (masalah pembelajaran) dengan menyediakan mereka kemahiran dan pengetahuan praktikal yang relevan dengan peluang pekerjaan dalam dunia sebenar (Rahman *et al.*, 2023). Dengan memperoleh kemahiran vokasional, pelajar boleh meningkatkan keyakinan diri dan kebebasan mereka, yang membawa kepada peningkatan harga diri serta kualiti hidup dan seterusnya membangunkan pelajar dengan kecekapan seiring dengan keperluan pasaran buruh. Hal ini dapat memudahkan integrasi mereka ke dalam tenaga kerja (Schloemer-Jarvis et al., 2022).

Pelaksanaan TVET untuk pelajar OKU (masalah pembelajaran) menggalakkan amalan pendidikan inklusif yang mengiktiraf dan menampung keperluan pembelajaran yang pelbagai. Dengan memupuk persekitaran pembelajaran inklusif yang merangkumi kepelbagaian pendedahan, institusi TVET menyumbang kepada penciptaan peluang pendidikan yang lebih saksama dan mudah diakses untuk individu kurang upaya (Delubom et al., 2020). Ia juga melibatkan galakan kerjasama dan bimbingan rakan sebaya untuk meningkatkan interaksi sosial dan harga diri dalam kalangan pelajar (Pearl and Donahue, 2004). Ini dapat membantu Pelajar OKU (masalah

pembelajaran) dalam menghadapi cabaran akademik, sosial, dan emosi, serta stigma dan diskriminasi, yang boleh menjejaskan keyakinan dan pencapaian mereka.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara survey dalam talian menggunakan google form bagi memaksimumkan jumlah responden di samping memudahkan proses analisis dapatan kajian. Sasaran kajian pula adalah komuniti setempat, agensi, institusi pendidikan dan pemain industri ikan hiasan. Setiap borang soal selidik terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A merupakan bahagian maklumat demografi responden. Bahagian B mengumpulkan maklum balas berkaitan program. Data dianalisis untuk melihat frekuensi bagi setiap soalan. Analisis dapatan kajian menggunakan kaedah analisis deskriptif frekuensi menggunakan perisian excel.

### 4.0 Analisis dan Perbincangan

Analisis kajian pasaran terhadap program pengajian Sijil Khas Ikan Hiasan di Kolej Komuniti Tampin dilaksanakan melalui analisis item soalan kaji selidik yang telah mendapat maklum balas daripada 44 orang responden. Responden terdiri daripada komuniti (5 orang), agensi (3 orang), institusi pendidikan (24 orang) dan pemain industri ikan hiasan (12 orang). Jadual 1 menunjukkan taburan demografi bagi responden tersebut iaitu maklumat Bahagian A pada borang soal selidik.

**Jadual 1:** Demografi Responden

Faktor	Bilangan	Peratus
Tempat Tinggal		
Kuala Lumpur	1	2.3
Melaka	11	25.0
Negeri Sembilan	26	59.1
Pahang	1	2.3
Sarawak	1	2.3
Selangor	4	9.1
Pekerjaan		
Swasta	3	6.8
Kerajaan	22	50.0
Bekerja Sendiri, Berniaga	12	27.3
Tidak Bekerja (Pelajar, Suri Rumah)	7	15.9

Berdasarkan Jadual 1 dapat dikenalpasti bahawa responden paling tinggi adalah sebanyak 59.1% dari sekitar Negeri Sembilan, manakala kedua tertinggi adalah seramai 25% dari negeri Melaka. Selebihnya adalah responden dari negeri lain iaitu Selangor (9.1%), Kuala Lumpur (2.3%),

Pahang (2.3%), dan Sarawak (2.3%). Kebanyakan responden dari komuniti setempat merupakan pekerja sektor kerajaan (50%), swasta (6.8%) dan tidak bekerja (15.9%). Komuniti yang tidak bekerja ini terdiri daripada kalangan pelajar dan juga suri rumah. Manakala responden dari kalangan industri atau pengusaha ikan hiasan adalah sebanyak 27.3% (Jadual 1).

Hasil analisis borang soal selidik bahagian B hingga D adalah seperti Jadual 2 dan Rajah 1. Jadual 2 menunjukkan 97% responden setuju bahawa program Sijil Asas Ikan Hiasan bersesuaian untuk ditawarkan di Kolej Komuniti Tampin. Namun seorang responden daripada institusi pendidikan berpendapat program ikan hiasan lebih sesuai ditawarkan kepada pelajar arus perdana (pelajar normal) di Kolej Komuniti Tampin. Manakala 95.5% responden bersetuju dengan penamaan program ini sesuai dalam menghasilkan graduan yang diinginkan. Namun terdapat seorang responden daripada pemain industri mencadangkan penamaan program ini sebagai "Sijil Asas: Usahawan Industri Ikan Hiasan". Sebanyak dua responden dari institusi pendidikan yang tidak setuju mengenai kesesuaian penamaan program ini kerana kedua-duanya berpendapat program ikan hiasan ini lebih sesuai dilaksanakan kepada pelajar arus perdana iaitu bukan pelajar OKU.


Seramai 97.7% responden bersetuju dengan jangkamasa pengajian bagi program Sijil Khas Ikan Hiasan adalah mencukupi. Manakala seorang responden dari institusi pendidikan tidak bersetuju dengan jangkamasa pengajian program Sijil Asas Ikan Hiasan. Program Sijil Asas Ikan Hiasan ini dilaksanakan secara keseluruhan empat (4) semester termasuk latihan industri. Semester 1 hingga 3 meliputi proses Pengajaran dan Pembelajaran dengan tempoh empat belas (14) minggu setiap semester. Semester 4 atau semester akhir adalah tempoh pelajar akan menjalani latihan industri. Seramai 95.5% responden bersetuju bahawa tempoh pelaksanaan latihan industri selama enam belas (16) minggu bagi program Sijil Khas Ikan Hiasan yang ditawarkan di Kolej Komuniti Tampin adalah mencukupi. Manakala 4.5% responden (2 responden) masing-masing dari komuniti dan institusi pendidikan tidak bersetuju dengan tempoh pelaksanaan latihan industri selama empat belas (14) minggu.

**Jadual 2:** Maklum Balas Responden

Item	Peratus	
	Ya	Tidak
Kesesuaian dengan Keperluan Organisasi	97.7	2.3
Kesesuaian Penamaan Program	95.5	4.5
Kesesuaian Jangka Masa Pengajian	97.7	2.3
Tempoh Latihan Industri	95.5	4.5
Kebolehpasaran Graduan	95.5	4.5
Menghasilkan Graduan yang Diinginkan	97.7	2.3

Maklum balas berkaitan kesesuaian bidang yang ditawarkan kepada graduan program Sijil Khas Ikan Hiasan menunjukkan bahawa 95.5% responden bersetuju bahawa graduan program Sijil Khas Ikan Hiasan berpotensi besar untuk diterima bekerja dan juga berpotensi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Manakala dua responden dari institusi pendidikan tidak bersetuju kerana mereka lebih cenderung menawarkan program ini kepada pelajar arus perdana. Seterusnya seramai 97.7% responden bersetuju program ini dapat menghasilkan graduan yang diinginkan dari segi kerjaya dan pembangunan diri. Sehubungan itu, maklum balas responden berkaitan pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan program Sijil Khas Ikan Hiasan seperti yang diilustrasikan dalam Rajah 1.

Seramai 6.8% responden (1 orang dari agensi, 1 institusi pendidikan dan 1 industri) menyatakan pendapatan yang sesuai ditawarkan adalah kurang dari RM1,000.00. Manakala 25% responden (1 orang dari agensi, 1 komuniti, 2 industri dan 7 orang dari institusi pendidikan) yang memberi maklum balas bahawa pendapatan yang sesuai ditawarkan antara RM1,001.00 hingga RM1,500.00. Majoriti responden iaitu 47.7% responden memilih julat pendapatan yang sesuai antara RM1,501.00 hingga RM2,000.00. Responden tersebut adalah daripada komuniti (3), industri (6) dan institusi pendidikan (12). Selain itu, seramai 11.4% responden daripada institusi pendidikan (4) dan industri (1) memilih pendapatan antara RM2,001.00 hingga RM2,500.00 dan 9.1% responden daripada agensi (1), komuniti (1) dan industri (2) memilih pendapatan lebih RM 2,501.00 sebagai pendapatan yang bersesuaian untuk graduan Sijil Khas Ikan Hiasan.



**Rajah 1:** Maklum balas responden berkaitan pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan Sijil Khas Ikan Hiasan.

Maklum balas yang diberikan oleh responden adalah positif di mana majoriti mereka menyokong penawaran program ini. Walaupun terdapat usaha untuk menggalakkan keterangkuman, pelajar OKU (masalah pembelajaran) mungkin menghadapi halangan untuk mengakses dan mengambil bahagian dalam program TVET, termasuk kekurangan penginapan yang sesuai, sikap negatif daripada pengajar atau rakan sebaya, dan perkhidmatan sokongan terhad (Rahman *et al.*, 2023). Halangan ini boleh menghalang penyertaan dan

penglibatan penuh individu yang kurang upaya pembelajaran dalam pendidikan vokasional. Oleh itu, kerjasama antara institusi TVET, profesional pendidikan khas, organisasi komuniti dan majikan adalah penting untuk memastikan sokongan holistik untuk pelajar OKU (masalah pembelajaran) beralih daripada pendidikan kepada tenaga kerja. Ini mungkin melibatkan pelaksanaan perancangan peralihan, bimbingan kerja, dan penginapan di tempat kerja untuk memudahkan integrasi yang berjaya ke dalam tenaga kerja dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan peluang kemajuan kerjaya untuk pelajar OKU (masalah pembelajaran) (Schloemer-Jarvis et al., 2022).

Walaupun program TVET mempunyai potensi untuk memperkasakan pelajar OKU (masalah pembelajaran) dan meningkatkan kebolehpasaran mereka, halangan dan cabaran yang berterusan mungkin menghalang penyertaan penuh dan integrasi mereka ke dalam tenaga kerja. Menangani cabaran ini memerlukan usaha bersepadu untuk menggalakkan amalan inklusif, menyediakan perkhidmatan sokongan yang sesuai, dan memerangi stigma dan diskriminasi dalam sistem pendidikan TVET.

## **5.0 Rumusan dan Cadangan**

Secara amnya, kajian dan analisis pasaran bagi program Sijil Khas Ikan Hiasan telah mencapai objektif yang diharapkan dimana analisis sumber data menunjukkan program ini sesuai untuk dilaksanakan di Kolej Komuniti Tampin dengan pelaksanaan tempoh pengajian dan pelaksanaan latihan industri yang bersesuaian. Analisis dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju pelaksanaan program Sijil Khas Ikan Hiasan dapat melahirkan graduan yang menepati kehendak industri dan komuniti. Pelaksanaan program ini juga secara tidak langsung dapat memperluaskan peluang kerjaya dan meningkatkan pembangunan diri graduan yang terdiri daripada pelajar OKU (masalah pembelajaran). Responden juga secara positif memberi maklum balas bahawa program ini boleh membantu pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi untuk meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran.

Namun sebagai cadangan penambahbaikan bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni, dicadangkan agar dipertimbangkan untuk penambahan tenaga pengajar tetap bagi program yang ditawarkan ini. Merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Program Eksklusif Pelajar OKU, sebanyak dua orang tenaga pengajar diperlukan bagi menjalankan program ini (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2023). Namun setakat ini hanya satu pensyarah yang mengajar program ini. Manakala aktiviti promosi perlu ditingkatkan sebagai hebahan kepada golongan sasaran serta sistem sokongan pelajar OKU (masalah pembelajaran) agar kemasukan pelajar menyertai program ini memenuhi norma yang ditetapkan.

## **Rujukan**

American Psychiatric Association (2013). Diagnostic and statistical manual of mental disorders: DSM-5™ (5th ed.). American Psychiatric Publishing, Inc.. [Online]. Available: <https://doi.org/10.1176/appi.books.9780890425596>

- Anjur, N., Sabran, S. F., Daud, H. M., and Othman, N. Z. (2021). "An update on the ornamental fish industry in Malaysia: *Aeromonas hydrophila*-associated disease and its treatment control," *Veterinary World*, 14(5), 1143.
- Delubom, N. E., Marongwe, N., and Buka, A. M. (2020). "Managers' challenges on implementing inclusive education," *Cypriot Journal of Educational Sciences*, 15(6), 1508–1518."
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2023). Dasar Orang Kurang Upaya. [Online]. Available: <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=cCtGNGNKVE9obFhBRUI5RERPRjVoUT09>
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (2023). Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan Eksklusif Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU). Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2023). Program Pendidikan Khas Integrasi. [Online]. Available: <https://www.moe.gov.my/program-pendidikan-khas-integrasi>
- Mohamed, S., Abd Majid, R., and Toran, H. (2018). "Tahap Kesedaran Mahasiswa terhadap Hak Mahasiswa Kurang Upaya," *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 1-8.
- Pearl, R., and Donahue, M. L. (2004). *Peer relationships and learning disabilities*. In *Learning about learning disabilities* (pp. 133-165). Academic Press.
- Rahman, A. L. A., Othman, N. N. J. N., Kamaruzaman, F. M., Omar, M., Rasul, M. S., and Ab Hamid, N. (2023). "Working Ability among Students with Learning Disabilities Enrolled in TVET Education: A Preliminary Study," *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 13(12), 375–385.
- Schloemer-Jarvis, A., Bader, B., and Böhm, S. A. (2022). The role of human resource practices for including persons with disabilities in the workforce: a systematic literature review," *International Journal of Human Resource Management*, 33(1), 45–98.